

Strategi Awang Haji Kassim dalam Usaha Menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin: Satu Kajian Awal

Nurul Amalina binti Zullkiflee

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

Email: amalina.zullkiflee@gmail.com

Abstrak

Kesetiaan terhadap pemimpin dan curahan kasih sayang terhadap negara menjadi sebab utama negara masih bertahan dengan sistem pemerintahan beraja yang menjadi tunggak kepada kelangsungan kesultanan Negara Brunei Darussalam. Keberadaan Sultan Ahmad Tajuddin (Sultan Brunei ke-27) di Kampong Tantaya semasa Perang Dunia Kedua dan Pendudukan Jepun di Brunei pernah mewarnai sejarah kesultanan Brunei. Melalui tinjauan yang dilakukan, beberapa orang pengkaji lebih cenderung membahas keberadaan Sultan Ahmad Tajuddin di Kampong Tantaya, tanpa melihat kepada strategi yang dilakukan semasa misi menyelamatkan Sultan. Justeru, kajian ini akan memfokuskan strategi Awang Haji Kassim dalam usaha beliau untuk menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk sama-sama berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di Negara Brunei Darussalam dengan mengangkat nama tempat-tempat dan tokoh-tokoh yang terlibat, kerana pengkaji yakin sehingga sekarang masih ramai yang belum mengetahui peristiwa yang menjadi sejarah kesultanan Brunei yang jika diteliti dan diperhatikan mampu menyingkirkan kedudukan Sultan sebagai tunggak negara yang bersistemkan Melayu Islam Beraja. Kajian ini berbentuk deskriptif kajian sejarah. Pendekatan kualitatif dilakukan melalui temubual bersama beberapa informan. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa persamaan dan juga perbezaan terhadap strategi yang dilakukan. Walaubagaimanapun, pengkaji harus membuat solusi secara rasional, tanpa memihak kepada sesuatu jawapan kerana masing-masing mempunyai hak dalam menyuarakan sesuatu.

Kata kunci: Sultan Ahmad Tajuddin, Strategi, Awang Haji Kassim, Kampong Tantaya

Pendahuluan

Strategi yang bijak memainkan peranan penting dalam memastikan semua yang dirancang dilakukan dengan teratur. Pengertian strategi di dalam artikel ini membawa maksud persiapan atau rangka perancangan dalam misi menyelamatkan Sultan, dan menghindar dari musuh. Seperti juga di dalam peperangan yang memerlukan strategi yang mantap dalam melawan musuh. Ketangkasan idea pemimpin menjadi faktor dalam mendapatkan kemenangan dalam peperangan.¹ Di antara strategi peperangan Baginda Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* ialah strategi geografi, strategi menyerang dan kejutan, sistem rondaan dan intipan, ketangkasan dan kecekapan serta penggunaan tentera secara ekonomik.² Strategi dan taktik yang berkesan akan dapat membantu secara langsung sesebuah pertempuran yang dijalankan dengan lancar. Pemilihan tapak yang tepat untuk setiap kategori tentera juga turut menyumbang kepada jayanya sesebuah pertempuran tersebut.³

Artikel ini akan memfokuskan strategi Awang Haji Kassim dalam usaha beliau untuk menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-27, apabila sikap Tentera Jepun semakin mengganas. Sultan sebagai tunggak negara perlu diselamatkan, di samping memelihara sistem kesultanan Brunei yang telah lama wujud sejak Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama. Selain sama-sama berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di Negara Brunei Darussalam dengan mengangkat nama tempat-tempat dan tokoh-tokoh yang terlibat.

Pehin Datu Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim bin Tamin

Pehin Datu Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim bin Awang Tamin⁴ merupakan salah seorang insan yang pernah menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-27 semasa peristiwa Perang Dunia Kedua daripada kekacauan Tentera Jepun yang telah berjaya menduduki Brunei tanpa sebarang perlawanan. Beliau merupakan Ketua Kampong Tantaya, Pulau Limpaku Pinang, Sawarak, dilahirkan pada tahun

¹ Atiqah binti Ibrahim. (t.th.). Kekalahan Peperangan dalam Islam: Perbincangan Tentang Faktor Manusia dalam Perang Uhud. Hlm. 4 Lihat:

www.academia.edu/9869558/kekalahan_peperangan_dalam_islam_perbincangan_tentang_faktor_manusia_dalam_perang_uhud.

² Ahmad Azan Ridzuan. (2013). 'Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan dan Pertahanan Nabi Muhammad S.A.W.' 'Ulum Islamiyyah Journal. Vol. 10. Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia.

³ Meyjuhee Umei. Strategi Peperangan oleh Nabi Muhammad. Hlm. 2.

Lihat: https://www.academia.edu/6537201/Strategi_peperangan_oleh_nabi_muhammad

⁴ Kertas Majlis Mesyuarat Diraja. Hlm. 80.

1903, dan meninggal dunia pada 10 April 1978,⁵ dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampong Tantaya. Mudim Haji Mohd. Salleh bin Mudim Haji Yahya bin Sidek bin Kamar⁶ merupakan sahabat baik beliau, kedua-dua mereka pernah mempelajari selok belok agama daripada guru-guru dan alim ulama di kawasan Kampong Ayer, termasuk Kampong Saba. Beliau juga memiliki ilmu kebatinan dan persilatan di samping ilmu agama.⁷

Menurut adik tiri beliau, Awang Haji Morshidi,⁸ Awang Haji Kassim seorang yang sangat tegas. Kewibawaan beliau sebagai seorang Ketua Kampong sangat terserlah di saat berkomunikasi dan memberi pandangan kepada penduduk kampung. Kebijaksanaan beliau dalam mengendalikan dan membuat keputusan semasa bermesyuarat menjadikan beliau amat disegani. Menurut Awang Duraman (2015) dalam artikel beliau yang bertajuk 'Wira Agung semasa Pendudukan Jepun di Brunei', salah satu keistimewaan Awang Haji Kassim yang sangat menonjol ialah sifat beliau yang rajin bersedekah. Setiap kali musim menuai padi, beliau sentiasa memberikan beras yang diketam kepada kaum keluarga, sahabat dan orang-orang yang mengunjungi beliau. Begitu juga dengan ikan yang diperolehi dari sungai atau laut, selain memberikan hasil tanaman beliau seperti kelapa, pisang, durian dan buah-buahan lain.

Sudah menjadi ketentuan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* beliau ditakdirkan menjadi salah seorang insan yang menyelamatkan Sultan Brunei semasa pendudukan Jepun di Brunei. Keberadaan Tentera Jepun di Brunei semasa zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin boleh dikatakan sebagai zaman kemusnahan. Ini kerana selama keberadaan Tentera Jepun di Brunei, berlaku banyak kemusnahan ke atas infrastruktur Negeri Brunei yang baru hendak membangun. 16 Disember 1941⁹ merupakan tarikh bermulanya tragedi hitam memaliti bumi Brunei rentetan pendudukan Jepun di Brunei yang sedang berlaku ketika itu.

⁵ Seperti yang tercatat di batu nisan beliau di Tanah Perkuburan Islam Kampong Tantaya.

⁶ Duraman Tuah, Haji. (2015). 'Wira Agung semasa pendudukan Jepun di Brunei'. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn. Bhd. Hlm: 14.

⁷ Duraman Tuah, Haji. (2015). *Ibid*.

⁸ Temubual pengkaji bersama Awang Haji Morshidi bin Awang Tamin pada 11 Januari 2019 di Kampong Bolkih.

⁹ Muhammad Hadi Abdullah. (1988). 'Pendudukan Jepun di Brunei'. Jurnal Persatuan Sejarah Brunei. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei. Hlm. 20.



Gambar 1 Pehin Datu Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim setelah beliau dikurniakan gelaran¹⁰

Sultan Ahmad Tajuddin

Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien ibni Sultan Muhammad Jamalul ‘Alam ialah Sultan Brunei yang ke-27. Baginda diputerakan pada 22 Ogos 1913 di Istana Kota, Pekan Brunei.¹¹ Baginda menaiki takhta pada 21 September 1924 setelah ayahanda Baginda, Sultan Muhammad Jamalul ‘Alam II lindung pada 19 September 1924,¹² dan ketika itu Baginda berusia 11 tahun dan memerintah sehingga tahun 1950. Oleh kerana usia Baginda terlalu muda untuk menjadi Sultan ketika itu, Kerajaan Brunei telah melantik dua orang Wazir iaitu Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman ibn Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin dan Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhammad Yasin bin Pengiran Omar Ali, selaku Pemangku Raja bagi menguruskan hal-ehwal pemerintahan Negeri Brunei.¹³

Ketika Sultan Ahmad Tajuddin melanjutkan pengajiannya ke England, United Kingdom pada tahun 1931 di atas inisiatif Residen British, Mr. E.E.F. Pretty. Baginda berada di England selama satu tahun bagi mempelajari bahasa Inggeris dan tamadun Barat. Baginda merupakan Sultan Brunei pertama dalam

¹⁰ Koleksi peribadi Awang Zullkiflee bin Haji Mat Nassir bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim.

¹¹ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2011). *Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin 1924-1950: Kerajaan, Masyarakat dan Perubahan*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm: 12

¹² Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. (2002). *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm: 35

¹³ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2011). *Ibid*. Hlm: 13.

sejarah Brunei menjelajah ke dunia Barat. Sebelum berangkat ke United Kingdom bagi mengadakan rundingan dengan Setiausaha Tanah Jajahan British dan King George VI bagi membuka jalan perundingan bagi menjadikan Brunei sebuah negeri yang berdaulat di peringkat antarabangsa, Baginda singgah di Singapura. Pada waktu itulah Baginda jatuh gering lalu dimasukkan ke Jeneral Hospital Singapura pada 3 Jun 1950. Oleh kerana tidak ada tindak balas *transfuse* darah,¹⁴ Baginda lindung pada 17 Sya'ban 1369 bersamaan dengan 4 Jun 1950 dan dimakamkan di Kubah Makan Diraja, Bandar Brunei.¹⁵

Pendudukan Jepun di Brunei 1941-1945

Pendudukan Jepun di Brunei pada tahun 1941 hingga 1945 berlaku semasa zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Brunei yang ke-27. Peristiwa tersebut banyak ditulis di dalam artikel, buku dan akhbar, bukan sahaja penulis tempatan, bahkan menarik perhatian penulis antarabangsa. Malahan sehingga tahun 2019 ini, masih terdapat artikel mengenai peristiwa Pendudukan Jepun di Brunei, yang terjadi semasa Perang Dunia Kedua.

Muhammad Hadi (1988) menjelaskan dalam artikel beliau bertajuk 'Pendudukan Jepun di Brunei' mengenai teori dan kronologi kedatangan Jepun di Brunei. Tentera Jepun seramai lebih kurang 10,000 orang telah mendarat di Kuala Belait pada 16 Disember 1941¹⁶ pada jam 3 pagi.¹⁷ Mereka mara ke Bandar Brunei pada Hari Isnin, 22 Disember 1941¹⁸ kira-kira jam 4.15 petang.¹⁹ Sejak itu, kehidupan penduduk tempatan terancam kerana banyak bekalan makanan dirampas oleh Tentera Jepun. Pendaratan Tentera Australia pada Hari Ahad, 10 Jun 1945 jam 10 pagi berhasil mengalahkan Tentera Jepun di Brunei, sehingga mengakibatkan ramai yang melarikan diri ke hulu Sungai Tutong.²⁰

Muhaimin (2018) cenderung mengkaji mengenai pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin dan perkara yang berlaku semasa pendudukan Tentera Jepun di Brunei secara keseluruhan. Tesis Sarjana beliau yang bertajuk 'Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin 1924-1950: Kerajaan, Masyarakat dan Perubahan' berhasil dijadikan buku dengan penerbitan edisi kedua pada tahun 2018. Ini menunjukkan masih ramai pengkaji yang berminat untuk membaca dan mengetahui peristiwa yang pernah terjadi di Brunei. Karya beliau banyak

¹⁴ *The Straits Time Singapore*, June 5, 1950.

¹⁵ Yura Halim. (2002). *Ririsej Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 33.

¹⁶ W.J. Peel. (1946). *State of Brunei Annual Report on Brunei for the Year 1946*. Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press. Hlm. 7.

¹⁷ Muhammad Hadi Abdullah. (1988). *Ibid*. Hlm. 22.

¹⁸ W.J. Peel. (1946). *Ibid*.

¹⁹ Harun Aminurrashid. (1949). *Siapakah yang bersalah?* Singapura: Pustaka Melayu. Hlm. 36.

²⁰ Muhammad Hadi Abdullah. (1988). *Ibid*. Hlm. 27.

membahaskan mengenai sistem pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin sehingga tempoh teretusnya Perang Dunia Kedua. Buku beliau berjudul *Zaman Jepun di Brunei 1941-1945* lebih banyak membahaskan mengenai Pendudukan Tentera Jepun di Brunei dan faktor meletusnya Perang Dunia Kedua. Beliau turut menggambarkan keperitan hidup yang dilalui oleh semasa pendudukan Tentera Jepun di Brunei, di samping turut menyatakan perihal Sultan Ahmad Tajuddin dan kerabat Baginda yang terpaksa berundur berangkat dibawa ke rumah Awang Haji Kassim bin Awang Tamin, Ketua Kampong Tantaya. Ini kerana sikap Tentera Jepun yang semakin mengganas sehingga mampu menyingkirkan peranan ketua negara.

Awang Adanan (2004) dalam artikel beliau bertajuk 'Sultan Ahmad Tajuddin: Selamat di Tantaya' pula membahas mengenai keberadaan Sultan Ahmad Tajuddin semasa di Kampong Tantaya. Kedua pengkaji, Muhaimin dan Awang Adanan lebih memfokuskan perbincangan kepada Istana Tantaya dan Lubang Persembunyian yang dibina di Kampong Tantaya. Kajian mengenai peristiwa ini difokuskan bermula apabila Sultan Ahmad Tajuddin dan kerabat Baginda dibawa ke rumah Awang Haji Kassim. Awang Adanan turut memberi lakaran bilik-bilik Istana Sementara Sultan Ahmad Tajuddin semasa berada di Kampong Tantaya yang diceritakan menerusi temubual beliau bersama Awang Haji Morshidi.

Justeru, kajian awal ini akan cuba untuk mencari nara sumber yang majoritinya terdiri daripada keluarga Awang Haji Kassim. Kebanyakan mereka tidak lagi tinggal di Kampong Tantaya kerana penduduknya telah berpindah mengikuti Skim Perumahan Negara di Kampong Sungai Bunga dan Bengkurong.²¹ Melalui temubual pengkaji bersama ahli keluarga Awang Haji Kassim, majoriti anak-anak beliau tinggal di Kampong Lampaki, Mulaut, Bengkurong, Lumapas, Rimba dan Tungku. Walaupun begitu, mereka masih lagi kerap berulang-alik ke Kampong Tantaya lebih-lebih lagi apabila tiba musim buah dan semasa bulan Ramadhan untuk menziarahi kubur yang terdapat di Tanah Perkuburan Islam Kampong Tantaya.

Strategi Awang Haji Kassim

Sebagai kajian awal, artikel ini akan melihat kepada strategi Awang Haji Kassim semasa misi menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin bermula dengan perancangan untuk menyembunyikan Sultan Ahmad Tajuddin menyusup keluar dari istana di Bandar Brunei sehingga Baginda dibawa ke Kampong Tantaya, Pulau Limpaku Pinang, Wilayah Sarawak. Strategi yang bijak memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan yang dibuat berjalan dengan lancar. Begitu juga dengan peristiwa yang terjadi semasa persembunyian Sultan

²¹ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Zaman Jepun di Brunei 1941-1945*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm. 151.

Ahmad Tajuddin semasa Pendudukan Jepun di Brunei. Sebelum menyelamatkan Baginda Sultan, beberapa perancangan dan strategi yang bijak perlu dilakukan, baik secara lisan mahupun penulisan. Memastikan kedudukan Sultan jauh daripada musuh merupakan tujuan utama dalam misi ini.

Tentera Jepun semakin menunjukkan sikap sebenar mereka setelah kalah teruk oleh Angkatan Laut Amerika dalam peperangan di pulau-pulau Pasifik pada pertengahan tahun 1943, menjadikan Angkatan Laut dan Angkatan Udara Amerika menguasai jalan-jalan perhubungan dan pengangkutan laut dan udara dan menyebabkan Jepun sukar menghantar bekalan kepada Pasukan Tentera mereka sekali gus menyebabkan Tentera Jepun di Brunei kekurangan makanan, ubat-ubatan serta bahan lain.²² Keadaan ini menyebabkan kehidupan penduduk Brunei bertambah susah. Kekalahan Jepun semakin terserlah apabila Pihak Berikat berjaya mengebom kapal-kapal Tentera Jepun di perairan Brunei. Dalam kemelut itu, Tentera Jepun berniat untuk menjemput pembesar-pembesar Negeri Brunei menghadiri satu majlis makan besar, akan tetapi malangnya mendapat kegagalan apabila tidak ada seorang pun yang menghadiri majlis tersebut. Ini kerana rancangan Tentera Jepun untuk mengadakan pembunuhan beramai-ramai semasa majlis tersebut dapat dihidu oleh penduduk tempatan. Melihat keadaan Bandar Brunei yang semakin bahaya, ramai penduduk tempatan lari menyelamatkan diri dan bersembunyi di tempat yang lebih selamat.

Dalam keadaan ini, Sultan selaku tunggak dan pemimpin Negeri Brunei dan kerabat Diraja perlu dilindungi daripada ditangkap oleh Tentera Jepun.²³ Pada pertengahan bulan Mac 1945, beberapa orang pembesar negeri telah berunding dan merancang untuk menyelamatkan dan menyembunyikan Sultan Ahmad Tajuddin dan adinda Baginda, Pengiran Muda Omar 'Ali Saifuddin. Salah seorang daripada pembesar negeri tersebut ialah Mudim Mohd. Salleh bin Mudim Haji Yahya, yang merupakan sahabat baik, sekali gus merupakan orang tengah antara Awang Haji Kassim bin Tamin dan pihak istana. Perkhabaran mengenai pembesar-pembesar negeri sedang mencari lokasi sesuai untuk menyelamatkan Sultan dan kerabat Diraja telah sampai ke pengetahuan Awang Haji Kassim yang kerap berulang-alik dari Kampong Tantaya ke Bandar Brunei. Setelah memikirkan lokasi kampong halaman beliau yang jauh tersorok daripada pandangan mata, beliau mencadangkan agar Sultan dan kerabat Baginda bersembunyi di kampong beliau iaitu Kampong Tantaya. Beliau mencadangkan agar Sultan Ahmad Tajuddin tinggal di rumah beliau, di samping menyediakan tempat persembunyian di bawah tanah untuk Baginda

²² Yus Sabariah binti Haji Adanan. (1991). 'Pendudukan Jepun di Brunei: Suatu Tinjauan Awal'. Pusaka. Bilangan 4. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm. 73.

²³ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Ibid.* Hlm. 149.

dan kerabat Driaaja sebagai persediaan menghindari musuh yang kemungkinan berlegaran di udara.

Kampong Tantaya, Pulau Limpaku Pinang

Kampong Tantaya adalah sebuah kampong yang agak tersorok jauh dari kuala sungai dan sukar dikesan oleh sesiapa sahaja yang melintasi kawasan sungai di sekeliling pulau tersebut. Untuk sampai ke Kampong Tantaya hanya dengan menggunakan perahu, memerlukan mereka untuk menyusur sebatang anak sungai kecil (hanya memuatkan gimbaran dua perahu tambang) yang di kiri kanan tebingnya dipenuhi dengan pohon nipah, buluh dan nibung tumbuh meliar.²⁴ Perjalanan dari Bandar Brunei menuju ke kawasan pulau tersebut mengambil masa kira-kira 30 hingga 45 minit, dan dari permukaan pulau menyusuri anak sungai menuju ke kawasan tanah Kampong Tantaya mengambil masa kira-kira 5 hingga 10 minit perjalanan perahu dengan menggunakan enjin perlahan-lahan.

Mengikut sejarah keluarga 'ASTA' (Asal Tantaya), perkataan 'Tantaya' diambil sempena nama buah yang dahulunya banyak didapati di sekeliling permulaan memasuki kawasan tanah di sana. Perkara ini disokong kuat oleh Awang Haji Morshidi bin Awang Tamin²⁵ dan Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim.²⁶ Disebabkan itulah tempat tersebut dinamakan 'Tantaya'. Kerana wujudnya perkampungan di pulau tersebut suatu ketika dahulu, nama 'Kampong Tantaya' menjadi sebutan lisan bagi penamaan tempat tersebut. Di sekeliling kampong ini banyak ditumbuhi pokok buluh dan nyiur (kelapa) yang tinggi menjulang yang menjadikan kampong ini begitu strategik kerana terlindung dan sukar dilihat dari udara atau dikesan dan dijejaki oleh pihak musuh. Untuk sampai ke Kampong Tantaya ialah dengan menggunakan perahu menyusur sebatang anak sungai yang di kiri kanan tebingnya banyak pohon nipah dan nibung tumbuh meliar.²⁷ Jika dilihat melalui peta Borneo, kampong ini terletak di Pulau Limpaku Pinang dalam wilayah Sarawak, diapit oleh Sungai Menunggol (Brunei) dan Sungai Limpaku Pinang (Limbang, Sarawak) dan diapit oleh Pulau Berambang (Brunei) dan Pulau Umpul-Umpul (Limbang, Sarawak). Pulau ini turut berjiran dengan Pulau Berbunut, Pulau Baru-Baru dan Pulau Pepatan yang berada di Timur Laut dari Pulau Limpaku Pinang.

Menurut Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Limbang (2018), Kampong Tantaya mempunyai keluasan 15164.729150m², iaitu kira-kira 1.5

²⁴ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Ibid.*

²⁵ Temubual pengkaji bersama Awang Haji Morshidi bin Awang Tamin pada 11 Januari 2019 di Kampong Bolkiah.

²⁶ Temubual pengkaji bersama Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim pada 5 Februari 2019 di Kampong Lampaki, Mulaut.

²⁷ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Ibid.*

hektar. Pada tahun 1940an, kira-kira seramai 150 orang penduduk Tantaya yang terdiri daripada orang Melayu tinggal di sana. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh Awang Haji Said (2010) yang menyatakan “sebahagian kecil masyarakat Melayu juga tinggal di kawasan luar bandar di sepanjang Sungai Limbang dan pesisir di Kampung Tantaya”.²⁸ Ketika itu Limbang hanya boleh dihubungi oleh dunia luar menerusi Brunei menggunakan sungai yang memakan masa kira-kira 30 minit menaiki bot laju. Perhubungan di antara Limbang dengan bandar-bandar lain adalah terbatas terutama dengan Kuching iaitu Pusat Pentadbiran Sarawak yang jaraknya kira-kira 644 kilometer di sebelah Barat.²⁹ Kini Kampong Tantaya lengang kerana penduduknya telah berpindah mengikuti Skim Perumahan Negara di Kampong Sungai Bunga dan Kampong Bengkurong, Bandar Seri Begawan.³⁰ Melalui temubual pengkaji bersama ahli keluarga Awang Haji Kassim, majoriti anak-anak beliau tinggal di Kampong Lampaki, Mulaut, Bengkurong, Lumapas, Rimba dan Tungku.

Berangkat Meninggalkan Istana

Menyelamatkan Sultan bukan perkara yang mudah, kerana Tentera Jepun mempunyai bilangan tentera yang sangat ramai dan keberadaan mereka ada di mana-mana. Perjalanan menyelamatkan Sultan merupakan sesuatu yang sangat sukar, lebih-lebih lagi ketika itu belum terdapat kenderaan darat. Setelah perbincangan, perancangan rahsia dilakukan untuk membawa dan menyembunyikan Sultan Ahmad Tajuddin di Kampong Tantaya, Pulau Limpaku Pinang.

Setelah selesai solat fardhu Isyak, Mudim Mohd. Salleh senyap-senyap menjunjung Sultan Ahmad Tajuddin ke belakang istana menuju ke Perkuburan Bukit Menumpang. Setelah sampai, Awang Haji Kassim yang sedang menunggu di tebing sungai dengan sebuah perahu, menjunjung Sultan Ahmad Tajuddin untuk menaiki perahu tersebut. Awang Haji Kassim dan Mudim Mohd. Salleh mengayuhkan perahu secepat mungkin keluar dari Sungai Telaga Tiga dan menghalakan caruk perahu ke perairan berhadapan Perkuburan Alang Damit. Setelah yakin mereka sudah melimpasi perairan Makam Diraja, perahu dikayuhkan perlahan-lahan menuju Kampong Limbongan dan Kampong Ujung Bukit. Apabila mereka sampai di Jambatan Rangas, mereka dapati di atas jambatan berkawal beberapa orang Tentera Jepun. Mereka tidak kelihatan sibuk di atas jambatan, yang menandakan bahawa pihak Tentera Jepun belum mengetahui kejadian di istana dan berkayuh dengan cepat setelah melimpasi

²⁸ Said bin Haji Mohidin, Haji. (2010). *Pemberontakan di Brunei 1962*. Bab 5: Limbang Tahun 1941 hingga 1962. Sarawak: Limbang. Hlm. 33.

²⁹ Said bin Haji Mohidin, Haji. (2010). *Ibid*. Hlm. 31.

³⁰ Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Ibid*. Hlm. 151.

Jambatan Rangsas. Dalam beberapa minit, mereka jauh merentasi sungai di Kampong Sumbiling, Kampong Bukit Salat dan Kampong Sungai Kedayan. Sebaik sahaja berada di Kampong Ujung Tanjung di Kuala Sungai Kedayan, mereka berkayuh menyeberang Sungai Brunei secara perlahan-lahan, menuju ke Kampong Bakut Berumput.

Setelah melalui beberapa lorong sungai kecil di Kampung Peramu, Kampung Lurong Sikuna dan Kampung Saba Laut, Sultan Ahmad Tajuddin, Awang Haji Kasim dan Mudim Mohd. Salleh sampai di sebuah rumah Kampung Saba Tengah. Dari sini, mereka berpindah untuk menaiki sebuah tongkang; iaitu perahu besar yang di tengah-tengahnya sudah dipasang lantai yang diperbuat daripada buluh dan nibung. Di tongkang tersebut, beberapa orang pekayuh hebat sudah bersedia untuk mengiringi Sultan Ahmad Tajuddin meneruskan perjalanan. Mereka cekap berkayuh sehingga bunyi pengayuh atau dayung tidak kedengaran apabila tongkang itu bergerak.

Oleh kerana keselamatan Sultan Ahmad Tajuddin adalah prioriti utama, Baginda terpaksa ditempatkan di ruang tengah yang ditutupi lantai, dengan disediakan tempat berbaring dan bantal yang diperbuat daripada kapok. Di ruang berkenaan disediakan minuman dan makanan yang mencukupi untuk Baginda. Dengan membaca seruan Allahu Akbar, tongkang dikayuh menuju ke Pulau-Pulauan iaitu tempat pedagang ikan dan padian selalu berkumpul. Tongkang kemudian dibawa memasuki Kuala Sungai Siamas dan berhenti seketika di sana kerana tempat itu betul-betul berhadapan dengan bangunan Bubungan Dua Belas yang menjadi Markas Tentera Jepun. Di kawasan itu, mereka lebih berhati-hati mengayuh tongkang bagi mengelak keberadaan mereka dilihat oleh Tentera Jepun.

Menyedari mereka sudah berada di kawasan selamat, semua pekayuh mengubah gaya kayuhan mereka supaya tongkang itu bergerak lebih cepat. Sebaik sahaja tongkang melimpasi kuala Sungai Butir, semua pekayuh menghalakan caruk tongkang ke seberang Sungai Butir. Mereka mempercepatkan kayuhan bagi mengelak waktu dinihari. Dengan kayuhan yang begitu bertenaga, tongkang melimpasi Kampong Kiong dan Sungai Tingkap dan akhirnya memasuki Sungai Menunggul. Tongkang sekali lagi menyeberang Sungai Menunggul dan menghala ke Kampong Tantaya. Tongkang tersebut menghampiri permukaan tebing Kampong Tantaya sebaik sahaja masuk waktu Subuh. Sultan Ahmad Tajuddin dijunjung keluar dari bawah ruang tengah tongkang dan diiringi menaiki tebing. Baginda diiringi berjalan menuju ke rumah Awang Haji Kassim yang terletak di atas sebuah bukit yang bernama Rubiah.³¹

³¹ Duraman Tuah, Haji. (2015). *Ibid.*

Istana Sementara Sultan Ahmad Tajuddin

Awang Adanan (2004) dalam artikel beliau bertajuk ‘Sultan Ahmad Tajuddin: Selamat di Tantaya’ dan Muhaimin (2018) di dalam buku beliau bertajuk ‘Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin 1924-1950’ melalui temubual mereka bersama Awang Haji Morshidi menjelaskan Awang Haji Kassim dan anak-anak buah beliau berunding mencari ikhtiar yang terbaik untuk menyelamatkan dan melindungi Sultan Ahmad Tajuddin dan kerabat Baginda dengan bergotong-royong mendirikan sebuah istana sementara. Istana sementara tersebut siap didirikan oleh penduduk Kampong Tantaya hanya dalam masa seminggu. Namun begitu, terdapat perbezaan dari segi keluasan istana tersebut. Awang Adanan menyatakan bahawa istana tersebut berukuran lebih kurang 7.5 meter x 8.04 meter, sementara Muhaimin menjelaskan istana tersebut berukuran 7.5 meter x 12.19 meter. Beberapa orang penulis, antaranya Dayang Haslina (2019) dan Yura Halim (2002) pula berpendapat bahawa Sultan Ahmad Tajuddin dan kerabat Baginda hanya menetap di rumah Awang Haji Kassim sehingga tamat perang. Perkara ini disokong oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim, yang diceritakan sendiri oleh bapa beliau.³²

Penduduk kampung juga memucang-mucang membuat lubang perlindungan di bawah tanah, tempat Sultan Ahmad Tajuddin dan kerabat Baginda bersembunyi, yang letaknya kira-kira 50 kaki jaraknya dari istana sementara. Ini bertujuan untuk mengelak jika berlaku serangan mengejut melalui udara. Penduduk kampung sangat teliti dalam pembinaan lubang perlindungan ini agar tidak kelihatan dari pandangan musuh. Dahulu, lubang ini dilindungi oleh pokok buah-buahan dan rimbunan pohon-pohon buluh. Lubang persembunyian ini tidak dapat disangkalkan lagi, kerana tempat tersebut masih berbekas sehingga sekarang.

³² Temubual pengkaji bersama Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim pada 5 Februari 2019 di Kampong Lampaki, Mulaut.



Gambar 2 Bekas tapak lubang persembunyian Sultan Ahmad Tajuddin di Kampong Tantaya semasa Pendudukan Jepun di Brunei³³

Bandar Brunei Kembali Aman

Sultan Ahmad Tajuddin bersemayam di Kampong Tantaya selama kira-kira tiga bulan. Pendudukan Tentera Jepun di Brunei berakhir apabila Divisyen ke-9 Tentera Australia di bawah perintah langsung Jeneral Mc Arthur dan diketuai oleh Leftenan Jeneral Sir C. J. Morshead mendarat di Pantai Muara pada 10 Jun 1945 kira-kira pukul 10 pagi. Tentera Jepun menyerah kalah apabila Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Tentera Australia masuk ke Bandar Brunei pada 12 Jun 1945. Mulai tarikh tersebut, Brunei ditadbir oleh British Military Administration (BMA) diketuai oleh Wing Commander, K.E.H. Kay, yang mewakili Residen British.

Berita pendaratan Tentera Bersekutu ke Brunei dan kekalahan Tentera Jepun diterima oleh Sultan Ahmad Tajuddin dengan rasa kesyukuran. Setelah mendapat jaminan keselamatan daripada pihak BMA, Baginda bersama Raja Isteri dan rombongan Baginda bertolak dengan menggunakan perahu dari Kampong Tantaya ke Bubungan Dua Belas pada pagi 17 Jun 1945. Dari sana, Baginda dibawa dan dijunjung bersemayam di Istana Mahkota, Kampong Parit, Bandar Brunei.

Kesimpulan

Walaupun peristiwa ini sudah berlaku dan menjadi ristaan sejarah yang dicatatkan di mana-mana artikel, buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain, namun kejayaan yang diukir oleh Awang Haji Kassim dan insan-insan yang terlibat di dalam peristiwa ini harus dijadikan contoh tauladan yang baik kepada masyarakat Brunei khususnya dan orang ramai amnya. Ini kerana

³³ Gambar semasa lawatan pengkaji ke Kampong Tantaya.

Sultan merupakan tunggak negara, jika Sultan Brunei tidak dapat diselamatkan ketika itu, maka dengan sendirinya Brunei akan jatuh ke tangan Jepun.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berharap kajian ini akan dapat membantu pihak-pihak tertentu khususnya Pusat Sejarah Brunei, Pusat Pengkajian Borneo dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi serta orang ramai amnya dalam sama-sama memelihara sejarah *kitani*. Di samping itu, diharap strategi Awang Haji Kassim dalam usaha menyelamatkan Sultan Ahmad Tajuddin dapat dijadikan contoh dan tauladan untuk generasi sekarang dan akan datang. Walaupun perkara tersebut sudah berlalu, sejarah merupakan guru yang paling berkesan untuk kita meramal masa hadapan. Tanpa strategi yang bijak, kejayaan tidak akan mampu dimiliki.

Bibliografi

- Duraman Tuah, Haji. (2015). 'Wira Agung semasa pendudukan Jepun di Brunei'. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn. Bhd.
- Harun Aminurrashid. (1949). *Siapakah yang bersalah?* Singapura: Pustaka Melayu.
- Meyjuhee Umey. Strategi Peperangan oleh Nabi Muhammad. Lihat: https://www.academia.edu/6537201/Strategi_peperangan_oleh_Nabi_Muhammad
- Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. (2002). *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2011). *Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin 1924-1950: Kerajaan, Masyarakat dan Perubahan*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhaimin bin Haji Mohamed, Haji. (2017). *Zaman Jepun di Brunei 1941-1945*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm. 151.
- Muhammad Hadi Abdullah. (1988). 'Pendudukan Jepun di Brunei'. Jurnal Persatuan Sejarah Brunei. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei. Hlm. 20.
- Said bin Haji Mohidin, Haji. (2010). *Pemberontakan di Brunei 1962*. Bab 5: Limbang Tahun 1941 hingga 1962. Sarawak: Limbang. Hlm. 33.
- W.J. Peel. (1946). *State of Brunei Annual Report on Brunei for the Year 1946*. Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press. Hlm. 7.
- Yura Halim. (2002). *Ririsej Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 33.
- Yus Sabariah binti Haji Adanan. (1991). 'Pendudukan Jepun di Brunei: Suatu Tinjauan Awal'. Pusaka. Bilangan 4. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm. 73.

Temubual pengkaji bersama Awang Haji Abd. Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Awang Haji Kassim pada 5 Februari 2019 di Kampong Lampaki, Mulaut.

Temubual pengkaji bersama Awang Haji Morshidi bin Awang Tamin pada 11 Januari 2019 di Kampong Bolkihah.

Kertas Majlis Mesyuarat Diraja.

The Straits Time Singapore, June 5, 1950.

Ahmad Azan Ridzuan. (2013). 'Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan dan Pertahanan Nabi Muhammad S.A.W.' 'Ulum Islamiyyah Journal. Vol. 10. Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia.

Atiqah binti Ibrahim. (t.th.). 'Kekalahan Peperangan dalam Islam: Perbincangan Tentang Faktor Manusia dalam Perang Uhud'. Lihat: www.academia.edu/9869558/kekalahan_peperangan_dalam_Islam_Perbincangan_Tentang_Faktor_Manusia_Dalam_Perang_Uhud.